



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

### MERTUA DAN MENANTU PENERIMA FAEDAH PERKESO

---

**KOTA BHARU, 8 NOVEMBER 2023** – ‘Ibarat antan patah, lesung hilang’. Itulah nasib yang berlaku kepada seorang isteri juga seorang ibu apabila kehilangan suami dan anak dalam masa terdekat. Wan A’idah Binti Wan Mohd Taufek merupakan balu kepada Norman bin Yahya, 52 tahun yang menghidap penyakit kanker hati menghembuskan nafas terakhir di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) pada 30/6/2023. Arwah merupakan seorang Pengurus Besar Teknologi Maklumat di Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Arwah telah meninggalkan 4 orang anak yang masing-masing berumur 6 hingga 22 tahun. Balu dan 3 orang anak beliau yang berumur 21 tahun ke bawah **layak menerima faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2000.00** dan **Pencen Penakat sebanyak RM2811.25 sebulan**. Balu arwah yang merupakan seorang suri rumah sepenuh masa melahirkan rasa syukur kerana dengan faedah yang diperolehi mampu meringankan beban beliau dalam menguruskan kehidupan bersama anak-anak mentelah beliau seorang suri rumah sepenuh masa.

Namun, duka ditanggung masih lagi berbekas, dua bulan selepas kehilangan suaminya iaitu pada 21/09/2023, beliau diuji lagi dengan khabar duka apabila anak sulung beliau yang merupakan tonggak kekuatan Puan Wan A’idah iaitu Adib bin Norman 22 tahun, yang merupakan seorang Eksekutif Pemasaran di DUCH PERFUME TRADING SDN BHD telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Arwah Adib juga meninggalkan seorang balu bernama Nik Azreen Zulaikha binti Nik Azhar yang kini sarat mengandung 9 bulan. Beliau **layak menerima faedah**

**pengurusan mayat sebanyak RM2000** dan disusuli **faedah orang tanggungan** sehingga akhir hayat beliau kerana kemalangan berlaku semasa arwah dalam perjalanan menghadiri mesyuarat di atas arahan majikan.

*Bagai merpati patah sayapnya, seperti malam tak bersuluhkan pelita,* situasi hidup keluarga yang kehilangan insan bergelar suami dan bapa kepada anak-anaknya wajar dibela oleh majikan mereka. Sikap tanggungjawab dan keprihatinan majikan yang membela pekerja dengan caruman PERKESO tentu sekali menjadi aspek paling utama dilaksanakan demi memastikan pertumbuhan syarikat dan organisasi tidak bersifat berat sebelah hingga akhirnya berisiko merencatkan perkembangan sosio-budaya dan sosio-ekonomi pekerja di bawah urus tadbir mereka.

Dalam kesempatan ini juga, Pengarah PERKESO Kelantan, YB Menteri Sumber Manusia, V.Sivakumar berkata pihak PERKESO memandang serius perkara ini kerana sikap tanggungjawab dan keprihatinan majikan yang menjaga kebijakan dengan caruman PERKESO tentu sekali menjadi aspek paling utama dilaksanakan demi memastikan pertumbuhan syarikat dan organisasi tidak bersifat berat sebelah hingga akhirnya berisiko merencatkan perkembangan sosio-budaya dan sosio-ekonomi pekerja di bawah urus tadbir mereka.

## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA